

## **TADABBUR AL-QURAN**

Nasrun bin Abdullah  
Pegawai Integriti (PIA1)  
Cawangan Pengukuhan Integriti & Pengurusan Aduan  
Unit Integriti  
Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Nuzul al-Quran antara peristiwa agung umat Islam. Disepakati dalam kalangan ulama ia berlaku pada hari Jumaat 17 Ramadhan di Gua Hira' tahun 41 Keputeraan Nabi Muhammad SAW. Ia adalah peristiwa turunnya ayat al-Quran yang pertama kepada Nabi Muhammad SAW hingga seterusnya beransur-ansur lengkap sebagaimana al-Quran yang ada pada hari ini.

Realitinya bagi umat Islam, al-Quran merupakan :

- manual kehidupan dan petunjuk jalan yang lurus sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud :

*Sesungguhnya al-Quran ini memberikan petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam) dan memberikan berita yang menggembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar.*  
*(Surah al-Isra, ayat 9)*

- petunjuk kepada manusia dan juga membezakan antara yang hak dan yang batil sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud :

*Beberapa hari yang ditentukan itu ialah bulan Ramadan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia, dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan perbezaan (antara yang hak dan yang batil).*  
*(Surah al-Baqarah : 185)*

- hidayah dan petunjuk dalam pelbagai persoalan kehidupan manusia. Firman Allah SWT yang bermaksud :

*Kitab Al-Quran ini tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang kesempurnaannya), ia pula menjadi hidayah bagi orang yang bertakwa.*  
*(Surah al-Baqarah : 2)*

- panduan mengenai dasar asasi dan utama persoalan dalam setiap bidang kehidupan. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala Kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermanyanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya, - kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim dan orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang yang meminta, dan untuk memerdekaan hamba-hamba abdi; dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang Sabil. orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang yang bertaqwa. (Surah al-Baqarah : 177)*

- petunjuk yang tersimpul dalam keimanan kepada Keesaan Allah dan kepercayaan kepada adanya hari pembalasan. Allah SWT berfirman maksudnya :

*Mereka beriman kepada Allah dan hari penghabisan, mereka menyuruh kepada yang ma'ruf, dan mencegah dari yang munkar dan bersegera kepada (mengerjakan) pelbagai kebajikan; mereka itu termasuk orang yang saleh". (Surah Ali-Imran : 114)*

- petunjuk mengenai akhlak yang murni dengan menerangkan norma keagamaan dan tatasusila kehidupan yang mesti dikuti dalam kehidupan individu dan bermasyarakat demi kebahagiaan di dunia mahupun akhirat. Allah SWT berfirman maksudnya :

*Dan dirikanlah sembahyang (dengan khusyuk); Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar. (Surah al-'Ankabut : 45)*

Di antara kepentingan dan hikmah yang terdapat dalam solat ialah mencegah dari *fahsyah* dan mungkar yang memberi kesan positif dalam masyarakat.

Al-Quran membicarakan beberapa isu pokok dan penting, antaranya :

- persoalan akidah, kadangkala digandingkan dengan persoalan hukum. Allah SWT berfirman maksudnya :

*Sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekuatkan-Nya dengan sesuatu apapun. (Surah al-Nisa' :36)*

Ayat ini secara tegas memerintahkan agar manusia menyembah Allah SWT sahaja secara total dalam ketundukkan dan ketaatan kepadaNya, perbuatan syirik adalah suatu kezaliman yang nyata.

- sejarah umat terdahulu disatukan bersama nasihat, dorongan atau tanda kebesaran Allah yang ada di alam semesta. Allah SWT berfirman, maksudnya :

*Dan bertanyalah kepada mereka (wahai Muhammad) mengenai (penduduk) bandar yang letaknya di tepi laut, semasa mereka melanggar larangan pada hari Sabtu, ketika datang kepada mereka pada hari Sabtu itu ikan (yang menjadi cubaan kepada) mereka, yang kelihatan timbul di muka air; sedang pada hari-hari lain, ikan itu tidak pula datang kepada mereka. Demikianlah kami menguji mereka (dengan cubaan itu) kerana mereka sentiasa berlaku fasik. (Surah al-A'raf : 163)*

Allah SWT merakamkan dalam ayat ini :

- orang Yahudi sememangnya mengetahui azab yang menimpa penduduk kampung itu yang derhaka terhadap perintah Allah SWT
  - mereka melanggar perjanjian serta ikrar untuk memuliakan hari Sabtu dan mentaati perintah-Nya yang telah disyariatkan.
  - mereka membuat helah dan tipu daya agar tetap boleh menangkap ikan pada hari Sabtu dengan cara meletakkan jaring dan perangkap ikan sebelum hari Sabtu.
  - apabila hari Sabtu, banyak ikan diperoleh sebagaimana kebiasaan yang terjerat pada jaring dan perangkap. Apabila malam, mereka mengambil ikan tersebut melewati hari Sabtu.
  - ketika mereka melakukan hal tersebut, Allah SWT mengutuk rupa mereka menjadi kera sebagai pembalasan perbuatan khianat mereka.
- 
- permasalahan falsafah dan metafizik dihuraikan berdasarkan ruang lingkup mampu dicapai akal dan pancaindera. Allah SWT berfirman , maksudnya :

*Berilah khabar gembira kepada orang yang beriman dan beramal soleh, sesungguhnya mereka beroleh syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; setiap kali mereka diberikan satu pemberian dari sejenis buah-buahan syurga itu, mereka berkata: Inilah yang diberikan kepada kami dahulu dan mereka diberikan rezeki itu yang sama rupanya (tetapi berlainan hakikatnya) dan disediakan untuk mereka dalam syurga itu pasangan, isteri yang sentiasa bersih suci, sedang mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. (Surah al-Baqarah : 25)*

Ayat *al-Kauniyah* merupakan tanda penciptaan alam yang membuktikan kekuasaan Allah SWT mencipta semua makhluk dan alam cakrawala ini. Inilah tadabbur alam memikirkan kehebatan penciptaan alam sekeliling sebagai bukti kekuasaan Allah SWT. Keindahan bumi dan pelbagai makhluk ciptaan Allah menjadi tanda aras kekuasaan penciptaanNya bagi manusia berfikir. Kebenaran ini tercantum dalam Firman Allah SWT yang bermaksud :

*Dia membiarkan dua lautan mengalir yang keduanya kemudian bertemu. Antara keduanya ada batas yang tidak dilampaui masing-masing. (Surah al-Rahman : 19-20)*

Beginu juga ayat lain yang menceritakan fenomena yang sama terdapat pada firman Allah SWT yang bermaksud :

*Dialah yang membiarkan dua laut yang mengalir (berdampingan), yang ini tawar lagi segar dan yang lain masin lagi pahit dan Dia jadikan antara keduanya dinding dan batas yang menghalangi. (Surah al-Furqan : 53)*

Hasil carian maklumat mencatatkan :

1. Penemuan sains membuktikan sifat lautan yang saling bertemu tetapi tidak bercampur antara satu sama lain iaitu :
  - apabila dua lautan bertemu, wujud pemisah antara dua lautan tersebut.
  - air Laut Mediteranean mempunyai tahap kemasinan yang tinggi memasuki Lautan Atlantik.
  - air Lautan Mediteranean (berwarna biru tua) menyusup kedalaman 1000 m dari permukaan laut di Lautan Atlantik dan terus masuk ratusan kilometer di Lautan Atlantik

- namun cirinya tetap tidak berubah kerana sifatnya yang berat, air itu akan tengelam, ini bermakna air yang masuk dari Lautan Mediteranean tidak bercampur dengan air Laut Atlantik.

2. Teori pembinaan tembok menggunakan teknologi pembuatan besi, yang bermaksud :

*Berilah aku potongan-potongan besi. Hingga apabila besi itu telah sama rata dengan kedua (puncak) gunung itu, berkatalah Zulqarnain : Tiuplah (api itu). Hingga apabila besi itu sudah menjadi (merah seperti) api, dia pun berkata : Berilah aku tembaga (yang mendidih) agar aku tuangkan ke atas besi panas itu. (Surah al-Kahfi : 96)*

Ayat ini merakamkan :

- projek pembinaan tembok menggunakan teknologi pembuatan besi iaitu besi mentah dibakar terlebih dahulu sebelum dibentuk mengikut apa yang dikehendaki.
- besi yang mendidih apabila bercampur dengan tembaga yang cair akan terjalin dengan kuat dan teguh.
- hasil usaha, kepakaran dan kerjasama yang padu dan akhirnya terbinalah sebuah tembok yang tinggi, kukuh dan tebal sehingga golongan Ya'juj dan Ma'juj tidak dapat memanjat dan menembusi tembok tersebut.
- Apa yang paling penting ayat ini mengariskan :
- kejayaan pembinaan tembok merupakan rahmat daripada Allah SWT bukanlah disebabkan atas kekuatan serta kemampuan Zulqarnain yang tidak berbangga dan bermegah dengan kemampuan yang dikurniakan kepadanya tetapi menganggap kejayaan itu sebagai nikmat dari Allah SWT
- contoh seorang pemerintah yang adil, baik dan takut kepada Allah SWT tidak akan menyalahguna kuasa dan amanah yang dipertanggungjawabkan kepadanya serta tidak mengambil kesempatan atas kewangan negara mahupun harta benda rakyatnya.
- pemimpin mestilah amanah dan bertanggungjawab terhadap hasil mahsul negara. apabila kewangan negara mencukupi dan melimpah ruah, sistem cukai tidak perlu menekan dan menyulitkan kehidupan rakyat.

- pemimpin yang beriman dan amanah menjalankan urusan pemerintahan negara berasaskan taqwa dan syariat serta menjamin keadilan ekonomi dan ketelusan dalam pengurusan dan pentadbiran negara
- berbeza daripada pemerintah yang memerintah berdasarkan sistem yang zalim dan melampaui batas yang sentiasa mencari keuntungan dari setiap projek mahupun kesempatan.
- negara akan mendapat rahmat dan keberkatan dari Allah SWT.

Sirah turut melakarkan pengislaman Saidina Umar al-Khattab RA berlaku apabila beliau terkesan dengan bacaan al-Quran adiknya yang membaca ayat Surah Taha. Beliau terdiam daripada kemarahan dan terus mencari Rasulullah SAW menyatakan keislamannya di hadapan Baginda SAW. Begitu ajaib saat al-Quran berinteraksi dan menyentuh jiwa. Apabila jiwa manusia tunduk dengan kebenaran al-Quran, merasai kebahagian dan ketenangan dalam hidup. Para sahabat RA turut melalui proses didikan *madrasah* al-Quran ini yang mendasari iman dan pembentukan akhlak mereka sehingga menjadi mulia. Kalam Allah membentuk mereka sebagai seorang manusia yang mulia.

Amalan *tadabbur* seharusnya dibudayakan dalam kehidupan. Manhaj al-Quran dihayati sebagai rujukan masyarakat. Seruan membaca, berfikir dan mengkaji sudah ditetapkan dalam Islam. Membaca satu ayat dengan memahaminya dan menambah keimanan pada masa yang sama memberi kemanisan kepada pembaca Al-Quran lebih baik serta lebih bermanfaat daripada membaca seluruh ayat sehingga khatam tanpa menghayati dan memahaminya. Menerusi *tadabbur* al-Quran mampu mengeluarkan umat Islam daripada kemunduran, kejahilan ilmu atau terjerumus kepada kehancuran akhlak.